

aab

M'SIA DAN ASEAN TERUS USAHA TUBUHKAN EAEG: KATA MAHATHIR

Mahathir - Asean

Daripada Syed Jamil Jaafar

I

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Asean akan terus berusaha ke arah menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Khamis.

Beliau berkata sebagai negara clan bangsa, Malaysia dan Asean mempunyai hak untuk mengaitkan diri dengan sesiapa yang mereka suka dan untuk membangun.

+Sekiranya negara barat mementingkan hak asasi, mereka juga tidak boleh menghalang kita daripada mendapatkan hak untuk maju ke tahap orang putih barat, +katanya.

+Sekiranya kita tidak diberikan hal; itu manakala rakyat Eropah Timur dibantu untuli mencapai status maju, kita boleh membuat kesimpulan bahawa warna kulit dan bangsa masih mempengaruhi pemikiran barat. +

Perdana Menteri berkata demikian dalam ucapannya mengenai +Asean dalam tahun 1990-an dan selepas itu: Kes bagi memperluaskan kerjasama serantau Asean+ kepada Majlis Hubungan Luar Amerika Syarikat di sini. -- Lagi

♥27/09/11-13MST

CNS9932

R GB 27-09 00136 BA693

aab

Mahathir - Asean 2 New York

Beliau berkata keanggotaan Asean boleh diperluaskan untuk memasukkan negara-negara Indo-China -- Vietnam, Kemboja dan Laos -- pada masa hadapan kerana negara-negara itu telah mula menghargai faedah daripada sistem pasaran bebas atau sekurang-kurangnya mengenai pentingnya pembangunan negara daripada penaklukan kawasan.

Myanmar juga layak dan mungkin berminat untuk menyertai Asean kerana negara itu terletak berhampiran Asean.

Papua New Guinea telah diberi status sebagai pemerhati manakala Sri Lanka telah melahirkan minat untuk menjadi anggota.

+Jadi pertambahan keanggotaan Asean sedang dalam perancangan, tetapi apakah faedah yang akan diperolehi daripada pertambahan itu, +katanya.

Beliau berkata memandangkan bakal anggota-anggota baru itu masih lemah dari segi ekonomi, maka kekuatan ekonomi serta pengaruh politik hasil daripada pembesaran Asean tidak mungkin menampakkan perubahan besar. -- Lagi

♥27/09/11-33MST

CNS9940

R GB 27-09 00114 BA696

aab

Mahathir - Asean 3 New York

Sekiranya blok-blok perdagangan di Eropah dan Amerika hanya memcentingkan kumpulan mereka sahaja, kumpulan Asean tidak mungkin dapat menembusi pasaran-pasaran itu sedangkan ekonomi Asean bergantung kepada pasaran itu.

Mereka mungkin juga meningkatkan pengaruh mereka dalam rundingan perdagangan pada Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan ('GATT').

+Dengan sebab itu Asean perlu memperluaskan rakan-rakan dagang mereka at au jumlah keanggotaannya, +katanya.

+Di Timur Jauh terdapat beberapa negara dinamik yang telah membantu melaungkan suara Asean. Negara-negara itu ialah -China., Taiwan, Hong Kong, Korea dan Jepun. +

Beliau berkata negara-negara itu juga sangat bergantung kepada perdagangan dunia dan pasaran bebas. -- Lagi

♥27/09/11-10MST

CNS9945

R GB 27-09 00110 BA697

aab

Mahathir - Asean4 New York

EAEG yang dicadangkan itu, katanya, akan menyatukan negara-negara Asean, bakal-bakal anggota dan ekonomi-ekonomi dinamik dari Asia Timur.

Ita tidak akan menjadi satu blok perdagangan kerana ekonomi mereka akan bersaing antara satu sama lain dan perdagangan antara mereka sangat sedikit.

Beliau berkata keberkesanan EAEG bergantung kepada kekuatan gabungan suara mereka di pusingan GATT dan di rundingan-rundingan perdagangan antarabangsa yang lain.

+Sudah tentu Eropah yang berdikarid dan +Enterprise of America+ masih boleh tidak mempedulikan EAEG, +kata Perdana Menteri.

+Tetapi pasaran EAEG akan menjadi sangat menarik bagi Eropah dan Amerika untuk mengetepikannya. -- Lagi

♥27/09/11-54MST

CNS9954

R GB 27-09 0012: BA699

aab

Mahathir - Asean5 New York

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Amerika Syarikat membantah penubuhan EAEG dan sememangnya terkenal dalam mengenakan tekanan kepada banyak negara, termasuk negara anggota Asean.

Amerika Syarikat sangat I. khawatir sekiranya Jepun tidak menyertai EAEG kerana bimbang negara itu akan menguasai Asia Timur dari segi ekonomi dan politik.

Bentuk kemakmuran bersama Asia Timur yang diutarakan oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah dihidupkan untuk menakut-nakutkan Asia Timur mengenai kemungkinan Jepun mungkin kembali berkuasa untuk menakluki negara-negara lain.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Asia Timur kini lebih matang.

+Sekiranya Asia Timur tidak takut kepada Jepun, kenapapula Amerika Syarikat perlu bimbang mengenainya, + katanya. -- Lagi.

♥27/09/12-12MST

CNS9957

R GB 27-09 00062 BA700

aab

Mahathir - Asean 6 (Akhir) New York

Beliau berkata negara Jepun yang moden telah mendapat lebih banyak faedah menerusi perdagangan daripada perang dan tidak mungkin menukarkan cara itu.

Kemungkinan besar pendirian Amerika Syarikat disebabkan, keinginannya untuk menghalang negara-negara Asia daripada mencapai status negara maju menerusi kerjasama antara negara-negara itu, katanya. -- Bernama'.

♥27/09/12-14MST